



SIARAN AKHBAR

LSH SERVICE MASTER SDN. BHD. MENGESAHKAN KOMITMEN TERHADAP PENGOPERASIAN, PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN MENARA KUALA LUMPUR, SEBUAH ASET NEGARA MILIK PENUH KERAJAAN

Kuala Lumpur, Selasa, 1 April 2025 – LSH Service Master Sdn. Bhd. (“LSHSM”) mengesahkan komitmen penuhnya dalam melaksanakan amanah yang telah diberikan oleh **Kerajaan Malaysia** melalui **proses pemilihan yang telus dan kompetitif** bagi tujuan pengoperasian, pengurusan dan penyelenggaraan **Menara Kuala Lumpur**.

Menara Kuala Lumpur kekal sebagai **aset milik penuh Kerajaan**. Bertentangan dengan sebarang maklumat tidak tepat, menara ini **tidak pernah dijual**. Konsesi yang dianugerahkan kepada LSHSM berkuat kuasa **1 April 2025** adalah khusus untuk **pengoperasian, pengurusan dan penyelenggaraan**, di bawah kerangka **kerjasama awam-swasta**. Dalam hal ini, perjanjian konsesi telah ditandatangani pada 10 Mac 2025 manakala perjanjian pajakan pula telah ditandatangani pada 26 Mac 2025.

Pelantikan LSHSM adalah hasil daripada **Request for Proposal (RFP)** yang dimulakan oleh Kerajaan pada **Disember 2023**, dan dikendalikan oleh **Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri**. Proses ini telah disemak dan diluluskan oleh **Jemaah Menteri**, dan pihak LSHSM telah menerima surat niat (Letter of Intent) sebagai pembida berjaya pada **7 Jun 2024**. Sebanyak **lima syarikat berkeelayakan**, termasuk **pengendali terdahulu Menara Kuala Lumpur Sdn. Bhd. (MKLSB)**, telah **mengambil bahagian** dalam proses ini. LSHSM adalah sebuah usaha sama antara LSH BEST Builders Sdn. Bhd. (70%) dan Service Master (M) Sdn. Bhd. (30%).

Sebagai sebahagian daripada peralihan ini, penting untuk dimaklumkan bahawa **Menara Kuala Lumpur Sdn. Bhd. telah mengeluarkan notis penamatan kepada kesemua pekerjanya pada Disember 2024**. Sebagai tindak balas yang bertanggungjawab, LSHSM telah **menawarkan peluang pekerjaan** kepada kesemua kakitangan yang terjejas. Kami berbesar hati untuk memaklumkan bahawa kira-kira **85% daripada mereka telah menerima tawaran ini**. Tarikh rasmi permulaan perkhidmatan mereka bersama LSHSM adalah **1 April 2025**, dengan **penerimaan gaji dan manfaat** selaras dengan prinsip “terma tidak kurang daripada sedia ada” yang telah kami janjikan kepada pihak Kerajaan.

Kementerian Komunikasi turut menjelaskan bahawa **Menara Kuala Lumpur Sdn. Bhd. telah dimaklumkan secara rasmi** berkenaan tarikh peralihan ini sejak menandatangani **perjanjian interim kelima** bersama Kerajaan pada **1 Julai 2024** untuk tempoh selama 9 bulan dari 1 Julai 2024 sehingga 31 Mac 2025. Kementerian turut memberi jaminan bahawa operasi Menara Kuala

Lumpur akan diteruskan seperti biasa tanpa sebarang gangguan, dan bahawa proses peralihan ini telah dirancang dan diselaraskan dengan kepentingan awam sebagai keutamaan.

“Kami amat berbesar hati atas kepercayaan yang diberikan oleh pihak Kerajaan untuk menguruskan salah satu mercu tanda paling ikonik di Malaysia,” kata **Khairil Faizal Othman, Ketua Pegawai Eksekutif LSHSM**, yang juga **Pengarah Urusan Service Master (M) Sdn. Bhd.**, sebuah syarikat **100% milik penuh bumiputera dengan lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan fasiliti**. “Pada masa ini, keutamaan utama kami adalah **kebajikan dan kelangsungan hidup para pekerja selepas penamatan oleh MKLSB**, yang mana **99% adalah pekerja bumiputera** berdasarkan rekod terkini kami. Dalam menghadapi peralihan ini—terutamanya ketika musim perayaan—**tiga keutamaan segera** kami adalah seperti berikut:

- Pertama, **memastikan semua pekerja terus menerima gaji mereka seperti biasa**;
- Kedua, **memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kerajaan** dalam memastikan penyerahan kuasa dilaksanakan secara teratur dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan; dan
- Ketiga, **memastikan imej negara terus terpelihara**, terutama kerana Menara Kuala Lumpur terus menerima kunjungan pelancong dari serata dunia dan pengunjung tempatan.”

“Kami berharap seluruh rakyat Malaysia akan terus bersatu dalam usaha mengekalkan kedudukan menara ini sebagai permata negara yang membanggakan.”

LSHSM akan terus bertindak selaras dengan terma konsesi serta dengan penghormatan penuh terhadap semua proses undang-undang. Syarikat ini amat **menghargai bimbingan berterusan** daripada **pihak Kerajaan** dalam memastikan proses peralihan berjalan lancar dan berhemah. Sepanjang pelaksanaan amanah ini, **LSHSM komited untuk menegakkan tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti pada tahap tertinggi**, demi memajukan **Menara Kuala Lumpur** sebagai **mercu tanda ikonik yang moden, mesra pelawat dan penuh daya tarikan**.

Tamat Siaran Akhbar

Dikeluarkan oleh: **Khairil Faizal Othman, Ketua Pegawai Eksekutif LSH Service Master Sdn. Bhd.** bagi pihak **LSH Service Master Sdn. Bhd.**

Tarikh: 1 April 2025



LSH Service Master Sdn. Bhd.

Wisma LSH,
33 Jalan Gombak,
53000 Kuala Lumpur

TEL: 03-4021 8899

SIARAN AKHBAR – UNTUK EDARAN SEGERA

FAKS: 03-4021 3819

E-MEL: info.lshsm@limseonghai.com

PRESS RELEASE

LSH SERVICE MASTER SDN. BHD. REAFFIRMS COMMITMENT FOR OPERATION, MANAGEMENT AND MAINTENANCE OF KUALA LUMPUR TOWER, A GOVERNMENT-OWNED NATIONAL ASSET

Kuala Lumpur, Tuesday, 1 April 2025 – LSH Service Master Sdn. Bhd. (“LSHSM”) (“**LSHSM**” or “**the Concessionaire**”) reaffirms its full commitment to delivering on the trust placed in it by the Government of Malaysia through a **transparent and competitive selection process**, for the operation, management and maintenance of **Kuala Lumpur Tower**.

Kuala Lumpur Tower **remains a Government-owned national asset**. Contrary to any misinformation, it has **not been sold**. The concession awarded to LSHSM, effective **1 April 2025**, is strictly for the **operation, management, and maintenance** of the tower, under a **public-private partnership** framework. For that purpose, the concession agreement was signed on 10 March 2025 whilst the lease agreement on 26 March 2025.

The appointment of LSHSM was the result of a **Request for Proposal (RFP)** process initiated by the Government in **December 2023**, and administered by the **Public-Private Partnership Unit (UKAS), Prime Minister’s Department**. The process was subsequently reviewed and **approved by the Cabinet**, and LSHSM has received the Letter of Intent as the successful bidder on **7 June 2024**. A total of **five qualified companies**, including the **previous operator Menara Kuala Lumpur Sdn. Bhd. (MKLSB)**, participated in the RFP exercise. LSHSM is a joint venture between LSH BEST Builders Sdn. Bhd. (70%) and Service Master (M) Sdn. Bhd. (30%).

As part of the transition, it is important to note that **Menara Kuala Lumpur Sdn. Bhd.** had, in **December 2024**, **issued termination notices to its employees**. In response to this, LSHSM proactively **offered employment opportunities** to the affected staff. We are pleased to share that approximately **85% of these employees** have accepted our offer. Their employment under LSHSM commences on **1 April 2025**, **protecting the employees full pay and benefits**, in line with the principle of “no less favourable” employment terms that we committed to the government.

The **Ministry of Communications** has also clarified that **Menara Kuala Lumpur Sdn. Bhd. was formally aware of the transition date** since signing its fifth interim agreement with the Government on **1 July 2024** for a 9 months’ period from 1 July 2024 until 31 March 2025. The Ministry has further assured that Kuala Lumpur Tower’s operations will continue uninterrupted, with the transition planned and coordinated to safeguard public interest.

“We are honoured by the trust placed in us by the Government to steward one of Malaysia’s most iconic landmarks.” remarked **Khairil Faizal Othman, Chief Executive Officer of LSH Service Master Sdn. Bhd.**, also the **Managing Director of Service Master (M) Sdn. Bhd.**, a **100% bumiputera-owned company with over 30 years experience in facilities management**. “At this juncture, our foremost concern is the **wellbeing and livelihood of the employees after**

their termination by Menara Kuala Lumpur Sdn. Bhd., which are 99% bumiputera employees based on our latest records. As we navigate this transition—especially during the festive season—our **three immediate priorities** are clear:

- First, to **ensure all committed employees continue to receive their rightful pay without disruption**; and
- Second, to **extend our fullest cooperation to the Government** in facilitating a smooth and lawful handover in accordance with all applicable regulations; and
- Third, to **safeguard the country's image**, especially as Kuala Lumpur Tower continues to welcome both **foreign tourists and local visitors.**”

“We hope all Malaysians will stay united in helping us to continue making this icon a remarkable jewel asset for Malaysia”

LSHSM will continue to act in full compliance with the concession terms and with the utmost respect for all legal processes. The Company **looks to the Government's continued guidance** for a smooth and respectful handover and remains committed to supporting Malaysia's efforts to elevate **Kuala Lumpur Tower** as a **modern, visitor friendly, and vibrant public iconic landmark**. Throughout this journey, LSHSM will uphold the highest standards of **governance, transparency, and accountability** in all that we do.

End of Press Release

Issued by: Khairil Faizal Othman, Chief Executive Officer of LSH Service Master Sdn. Bhd.,
on behalf of **LSH Service Master Sdn. Bhd.**

Date: 1st April 2025



LSH Service Master Sdn. Bhd.

Wisma LSH,
33 Jalan Gombak,
53000 Kuala Lumpur

TEL: 03-4021 8899

FAX: 03-4021 3819

EMAIL: info.lshsm@limseonghai.com